

SOALAN NO: 316

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS (BUKAN LISAN)**  
**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN (TEMERLOH)**  
**TARIKH : -**  
**SOALAN : 316**

**TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN (TEMERLOH)** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan strategik mengurangkan obesiti di kalangan rakyat Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah melakukan perancangan strategik bagi mengawal masalah obesiti dalam kalangan rakyat Malaysia melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (2016-2025), Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2016-2025) serta Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2016-2025). Beberapa aktiviti berbentuk *hard* dan *soft policy* telah digariskan dalam pelan-pelan tindakan ini untuk menyediakan persekitaran yang menyokong amalan pemakanan sihat dan cara hidup lebih aktif. Ini termasuk cadangan sekatan waktu operasi kedai makan 24 jam dan larangan penjualan makanan tidak sihat di kantin sekolah. Selain itu, program serta aktiviti pencegahan dan kawalan obesiti telah dirangka meliputi setiap peringkat umur bermula daripada dalam kandungan hingga warga emas. Pelaksanaan pelan-pelan strategik ini, memerlukan komitmen dan kerjasama pelbagai sektor bagi memastikan kejayaannya.

RT26/317

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
DARIPADA [ TEMERLOH ]****JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA****PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [ Temerloh ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian membolehkan para guru menyertai aktiviti berpolitik.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelibatan guru dalam politik tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan semasa Kerajaan yang hanya membenarkan guru akademik biasa dalam gred DG41 hingga DG48 yang tidak memegang apa-apa jawatan dalam pentadbiran untuk melibatkan diri secara aktif dalam bidang politik. Guru tersebut perlu mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan tertakluk kepada Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 serta Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/1999 yang menegaskan bahawa semua kakitangan dan pegawai perkhidmatan pendidikan dilarang terlibat dalam aktiviti anti-kerajaan.

RT26/317